

JAWAPAN

Unit
14

Menangani konflik Identiti Diri Asas Pembentukan Personaliti

Modul PBD

1. Remaja pada umumnya merujuk golongan yang berumur 12 hingga 23 tahun. Konflik identiti diri bermaksud perselisihan atau pertentangan dalaman individu. Konflik identiti diri terjadi apabila tiada keseimbangan dalam diri seseorang individu.
2. (a) Remaja kurang penghayatan agama dan nilai-nilai murni.
(b) Mudah terpengaruh dengan rancangan dalam media massa yang berunsurkan keganasan.
(c) Terdorong untuk melakukan sesuatu perkara di luar jangkaan apabila berasa tertekan.
(d) Perasaan ingin mencuba sesuatu yang baharu sehingga boleh melanggar etika dan norma hidup.
(e) Terpengaruh dengan rakan-rakan dan orang sekeliling kerana tiada pegangan dan matlamat hidup yang jelas.
3. (a) Para remaja harus berbincang secara baik dengan ibu bapa. Jalinan komunikasi yang tinggi antara remaja dengan ibu bapa sangat penting. Ibu bapa harus menjadi pendengar yang baik dan memberikan jalan penyelesaian dengan sabar.
(b) Para remaja harus menjauhkan diri daripada rakan-rakan yang melakukan kegiatan negatif. Mereka juga perlu berjumpa dengan pakar kaunseling untuk meluahkan masalah.

4. Situasi 1

Cara menangani

Siti Khadijah seharusnya memberitahu ibu bapanya memahami perasaannya dan minta mereka henti sikap suka membanding. Ini kerana setiap orang adalah berbeza dan mempunyai kekuatan dan kelemahan masing-masing.

Kepentingan

- Mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara negatif.
- Meningkatkan keyakinan diri dan mengeratkan hubungan dengan orang lain.

Situasi 2

Cara menangani

Soon Kiat seharusnya menjauhkan diri daripada rakan-rakan yang melakukan gejala negatif. Soon Kiat perlu mengamalkan gaya hidup sihat dan positif untuk menghilangkan tekanan pelajaran.

Kepentingan

- Mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara negatif.
- Memelihara imej dan maruah diri.

5. (a) Sedih kerana imej keluarga akan tercemar.
(b) (i) Risiko diculik dan dilarikan.
(ii) Tiada jaminan keselamatan.
(iii) Tiada sumber kewangan dan boleh dijual untuk tujuan pelacuran.
(c) (i) Mengeratkan hubungan kekeluargaan dan tidak melakukan perkara yang bertentangan dengan adat dan budaya.
(ii) Berfikiran positif serta seimbang dan mengamalkan ajaran agama.
(iii) Berkawan dengan individu yang positif dan mengamalkan gaya hidup yang positif.
(d) (i) Mengeratkan hubungan dengan orang lain.
(ii) Menikmati hidup lebih aman dan tenang.
(iii) Menjaga imej diri dan keluarga serta disegani oleh orang lain.
6. (a) Tetapkan matlamat hidup.
(b) Tidak mudah terpengaruh dengan rakan sebaya yang negatif.
(c) Sentiasa berfikir secara positif.
(d) Manfaatkan masa dengan aktiviti yang berfaedah.
(e) Teguhkan jati diri.
(Terima jawapan murid yang sesuai)

Power KBAT

1. Wujud disebabkan ada jurang generasi di antara kedua-dua pihak yang mana si ibu bapa tidak menerima pandangan anak mereka manakala si anak berpendapat ibu bapa terlalu mengongkong dan tidak memahami kehendak mereka. Kebanyakan ibu bapa hari ini berpendapat pencapaian atau taraf pendidikan merupakan satu faktor penturu yang akan menjamin sosioekonomi anak-anak mereka. Hal ini mendorong sesetengah ibu bapa menetapkan matlamat yang terlalu tinggi dan menuntut anak mereka menghabiskan masa dengan belajar. Harapan yang tinggi dalam pendidikan akan memberi tekanan yang melampau kepada remaja.
2. (Terima jawapan murid yang sesuai)